

Undang-undang sudah jelas

# Usaha pulih Umno lama sia-sia: Dr M

BH 22 MAY 1986

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Umno lama tidak mungkin dihidupkan semula walaupun beberapa pihak berusaha berbuat demikian, termasuk melalui tindakan mahkamah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami sangat yakin, sekarang Umno lama tidak boleh dihidupkan semula kecuali jika kita sendiri melanggar undang-undang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (baru) di sini hari ini.

Menurutnya, keputusan bertulis Hakim Datuk Harun Hashim mengenai pengharaman Umno lama, yang berlainan daripada keputusan lisannya Februari lalu, mengelirukan beberapa pihak, termasuk penyokong bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah.

"Oleh kerana keputusan bertulis itu, penyokong Tengku Razaleigh berpendapat Umno lama dapat dihidupkan kembali.

"Kami yakin Umno lama tidak dapat dihidupkan semula dan golongan yang tidak memahami undang-undang mudah dipengaruhi untuk berusaha menghidupkan parti yang diharamkan," katanya.

Dalam keputusan lisannya 4 Februari lalu, Hakim Datuk Harun mengisytiharkan Umno sebagai pertubuhan haram kerana mempunyai beberapa cawangan yang tidak berdaftar.

Bagaimanapun, dalam keputusan bertulisnya yang dikeluarkan 13 April lalu, Hakim Datuk Harun berkata pemimpin Umno yang dipilih dalam Perhimpunan Agung ke-37 pada 1984 adalah sah.

Pada masa itu, Datuk Seri Dr Ma-

Oleh S SIVARAMAN  
dan ROSLAN ALI

hathir berkata beliau akan hanya menerima keputusan Hakim Datuk Harun pada 4 Februari yang mengisytiharkan Umno parti tidak sah, walaupun hakim itu memberi dua keputusan yang mengandungi perkara yang agak berlainan.

Beliau berpendapat pihak terbabit hanya membuang masa jika mereka berusaha menghidupkan semula Umno lama kerana "undang-undang adalah jelas dalam hal ini."

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno (baru), berkata golongan yang kononnya sedang berusaha menghidupkan semula Umno lama sebenar memperdayakan orang ramai dengan tindakan mereka.

"Dalam sistem demokrasi, kita tidak boleh menghalang mereka selagi mahkamah mahu melayan golongan ini.

"Bagaimanapun, tindakan ini tidak akan menjejaskan perkembangan Umno (baru)," katanya.

Beliau berpendapat Hakim Datuk Harun sepatutnya mengambil lebih masa untuk memberi satu keputusan sahaja, daripada memberi keputusan lisan dan bertulis.

"Walaupun perkara asas tidak berubah, Hakim Datuk Harun menambah beberapa perkara lain dalam keputusan bertulisnya.

"Berikutan tindakan ini, ada golongan berpendapat Umno lama masih dapat dihidupkan kembali," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak bercadang mengambil sebarang tindakan terhadap Hakim Datuk Harun.